

22 AUG 1996

MALAYSIA KEKAL IMBANGAN DAGANGAN DENGAN MENAMBAH EKSPORT

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan meningkatkan eksportnya dan pada masa yang sama mengurangkan import bagi mengekalkan imbalan perdagangan yang sihat.

Imbalan perdagangan akan dikelakkan dengan menambah eksport dan mengurangkan import yang tidak perlu, kata beliau kepada pemberita selepas mengunjungi Presiden Argentina Carlos Menem di Hotel Shangri-La di sini hari ini.

Menem tiba pagi tadi untuk lawatan lima hari ke Malaysia.

Mengenai usaha dan langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengekalkan memastikan kadar inflasi berada di bawah peras empat peratus, Dr Mahathir berkata pihak berkuasa mengkaji setiap aktiviti komersil di negara ini.

"Seperti yang anda tahu, kita mewajibkan peniaga meletakkan tanda harga dan kita juga mengawasi harga. Kita memastikan sama ada kenaikan harga adalah wajar atau sebaliknya," kata beliau. -- BERNAMA

ZAB RM FAZ